

29 MAR 2001

Mahathir-KWSP

PEMOTONGAN DUA PERATUS KWSP WAJIB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Langkah pemotongan caruman individu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus iaitu dari 11 peratus kepada sembilan peratus adalah wajib walaupun kerajaan bersedia mengkajinya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ia adalah wajib, payah nak buat secara sukarela," katanya ketika ditanya pemberita sama ada pemotongan itu diwajibkan bagi setiap pekerja.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan Forum MSC-Lucent Bell Laboratory Technology 2001 di sini.

Dua hari lepas, Dr Mahathir mengumumkan langkah itu yang mengurangkan potongan KWSP pekerja dari 11 peratus kepada sembilan peratus sebagai sebahagian daripada lapan langkah bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berpendapat bahawa para pekerja harus dibenar membuat pilihan sama ada untuk memilih atau tidak dengan pengurangan itu.

Setiausaha Agung MTUC G.Rajasekaran dipetik sebagai berkata bahawa MTUC akan menasihatkan 230 badan gabungannya supaya menggalakkan anggota mereka mengekalkan sumbangan pada paras sedia ada iaitu 11 peratus.

Pengurangan sementara itu adalah untuk tempoh satu tahun berkuatkuasa 1 April.

Rajasegaran juga berkata MTUC mahu kerajaan menimbang semula langkah mengurangkan sumbangan itu sebanyak dua peratus.

Ketika ditanya sama ada kerajaan sanggup mengkaji langkah semula pemotongan KWSP itu, Dr Mahathir berkata: "Kalau mereka tak hendak, kita boleh kaji semula. Tapi sementara mereka tidak hendak potongan, mereka juga meminta supaya kerajaan menaikkan gaji dan sebagainya.

"Kita tak mampulah (naikkan gaji) sekarang ini," katanya.

Ketika ditanya sama ada Akta KWSP akan dipinda berikutan pemotongan yang akan dilakukan dan juga kerana KWSP merupakan sebuah badan berkanun, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu yang itu."

Dr Mahathir berkata wang yang dipungut oleh KWSP adalah besar dengan kutipan bulanan mencecah RM1.6 bilion.

"Dana itu semakin berkembang. Kita perlu melaburkannya dan tidak banyak tempat di mana kita boleh melaburkan dana itu dan memperolehi pulangan daripadanya.

"Oleh itu adalah lebih baik jika kita berbelanja sedikit, tidak terlalu banyak," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia mempunyai kadar penabungan yang sangat tinggi iaitu sebanyak 40 peratus berbanding dengan negara lain.

-- BERNAMA

RV ES AKD